



BORANG PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE
(MYGOSS) 2011

1. Nama Organisasi:

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

2. Nama Projek OSS Yang Dicalonkan:

SISTEM PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI

3. Tarikh (bulan & tahun) projek yang dicalonkan mula beroperasi:

OGOS 2010

4. Maklumat pegawai yang membuat pencalonan:

Nama: **HOLESOH BINTI SAIBON**

Jawatan: **KETUA UNIT AUDIT DALAM, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Agensi: **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Alamat: **ARAS 6, BLOK A, MKN EMBASSY TECHZONE
JALAN TEKNORAT 2,
43300 CYBERJAYA, SELANGOR**

Telefon: **03-83164066**

Faks: **03-83201978**

E-mel: **Holesoh.saibon@jpa.gov.my**

5. Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut:

Nama: **ROSMARLINDA BT. ROSLI**

Jawatan: **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Telefon: **03-83164324**

Faks: **03-83201969**

E-mel: **linda.rosli@jpa.gov.my**



LAPORAN PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE
(MYGOSS) 2011

Nama Projek: **SISTEM PENGAUDITAN INDEKS AKAUNTABILITI (SPIA)**

1. Profil Kementerian / Jabatan / Institusi (maksimum 200 patah perkataan)

VISI

Menjadikan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sebuah organisasi bertaraf dunia dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang cemerlang berteraskan profesionalisme, integriti dan teknologi terkini selaras dengan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju.

OBJEKTIF

Menjadi agensi yang berprestasi tinggi dalam membekalkan sumber tenaga manusia yang berupaya memberi perkhidmatan yang cemerlang melalui penggubalan dasar dan pengurusan sumber manusia dengan menepati ciri-ciri kualiti seperti berikut:

- Cepat dalam semua tindakan;
- Tepat dalam membuat keputusan;
- Layanan mesra kepada pelanggan;
- Menepati masa yang dijanjikan;
- Telus dalam semua peringkat pengurusan;
- Adil dan saksama dalam pertimbangan;
- Menentukan perkhidmatan dan maklumat mudah diperolehi (availability) dan boleh dipercayai (reliability); dan
- Menepati undang-undang, dasar dan peraturan.

DASAR KUALITI

JPA komited kepada pengurusan dan pembangunan sumber manusia yang

dinamik, berkesan, cekap dan adil bagi mewujudkan sektor awam yang cemerlang.

SLOGAN KUALITI

"JPA PENERAJU PERUBAHAN PERKHIDMATAN AWAM"

2. Sinopsis Projek (maksimum 150 patah perkataan)

Bagi projek:

Ringkasan / Keterangan

Faedah kepada orang awam / Kerajaan

Kelebihan / keistimewaan projek

Mengapa projek layak memenangi Anugerah MYGOSS

RINGKASAN PROJEK

Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA) merupakan satu sistem pengauditan secara atas talian (*online self auditing*) dengan kerjasama Unit Audit Dalam (UAD) dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertujuan menambahbaik, mempercepat kaedah pengauditan indeks akauntabiliti pengurusan kewangan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK).

FAEDAH KEPADA KERAJAAN / ORANG AWAM

- i. SPIA membolehkan pengurusan tertinggi memantau secara *online* tahap pengurusan kewangan di bawah tanggungjawab masing-masing;
- ii. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan peraturan, undang-undang dan garis panduan pengurusan kewangan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia.
- iii. Mesra pelanggan dan SPIA merupakan satu sistem diatas talian dan boleh dilayari di mana-mana dan bila-bila masa.

KELEBIHAN / KEISTIMEWAAN PROJEK

- i. Menjadi alat pemantauan bagi pelaksanaan aktiviti pengurusan kewangan ;

- ii. Perintis ke arah satu kecemerlangan pengurusan pengauditan dalaman yang lebih cekap dan berkesan;
- iii. Meningkatkan ketelusan, integriti dan keberkesanan dalam perkongsian maklumat.
 - iv. SPIA menilai hampir kesemua elemen dalam pengurusan kewangan seperti kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor dan pengurusan inovasi.

MENGAPA PROJEK LAYAK MEMENANGI ANUGERAH MYGOSS

SPIA telah merintis satu perubahan ke arah kecemerlangan Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti di sesebuah agensi melalui sistem penarafan secara *online* terhadap hampir kesemua urusan tadbir berkaitan. SPIA telah memberi nilai tambah kepada pelanggan melalui skop kerja yang perlu dilakukan dalam pengurusan kewangan dan membenarkan sesebuah PTJ menilai sendiri tahap pematuhan agensi terhadap semua pekeliling dan surat pekeliling perbendaharaan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan.

SPIA adalah merupakan satu inovasi yang dilakukan dalam proses pengauditan yang mana sebelum ini semua kerja pengauditan dilakukan melalui lawatan, semakan dan temubual atau secara manual dan bukan atas talian. Ini telah dapat menjimatkan kos operasi, tenaga kerja dan masa bagi aktiviti pengauditan di sesebuah PTJ.

3. Teknologi yang digunakan (maksimum 150 patah perkataan)

Penggunaan development tools, pangkalan data, language, teknologi, platform, dan lain-lain

Teknologi OSS yang digunakan ialah PHP dan MySQL yang amat popular di dalam pembangunan aplikasi.

PHP

PHP adalah bahasa pemrograman yang di reka bentuk secara khusus untuk *website development*. Kod PHP dapat ditampilkan dalam bentuk

HTML, PDF atau yang lainnya. Di dalam halaman HTML kita dapat memasukkan (*embedded*) kod PHP yang mana akan dilaksanakan ketika halaman tersebut dikunjungi.

MySQL

MySQL adalah satu *multithreaded*, satu sistem pengurusan pangkalan data SQL berbilang pengguna (DBMS) yang mempunyai lebih 11 juta pemasangan. Program dijalankan sebagai pelayan (*server*) menyediakan akses berbilang pengguna untuk sejumlah pangkalan data.

4. Kelebihan / Keunikan (maksimum 350 patah perkataan)

Faedah kepada orang awam / Kerajaan
Kelebihan projek berbanding projek lain
Kelainan konsep dan idea bagi projek
Peningkatan keberkesanan (termasuk mengurangkan birokrasi)
Perkongsian maklumat
Lain-lain

FAEDAH KEPADA ORANG AWAM / KERAJAAN :-

- i. memantau prestasi semua Pusat Tanggungjawab dan Pusat Kos melalui penarafan yang di perolehi.
- ii. Menambah baik dimana perlu sebelum Juruaudit luar menjalankan auditan.
- iii. Semangat berlumba bagi ketua PTJ dalam memastikan PTJ masing-masing mencapai tahap yang telah ditetapkan.
- iv. Pegawai yang menjalankan tugas dapat mempelajari secara tidak langsung skop tugasnya disamping *sharing knowledge* dikalangan mereka dan mereka didedahkan dengan peraturan dan undang-undang baru dalam system serta mematuhi.
- v. Kelebihan projek ini berbanding projek lain
 - Stabil pada masa dikehendaki iaitu penilaian dapat dibuat tepat masanya.
 - Menjimatkan masa, UAD dapat menjalankan tugas lain hanya seorang ditugas sebagai helpdesk dalam tempoh 2 minggu auditan oleh PTJ-PTJ.
 - Tiada kos yang terlibat.
 - Tiada perlu lesen atau lain-lain peraturan atau undang-undang.
 - Operasi yang mudah kepada pelanggan melalui id dan *password* dan manual yang disediakan.

- Peluang menambahbaik oleh PTJ-PTJ

KELAINAN KONSEP DAN IDEA BAGI PROJEK

- Pengauditan dijalankan secara atas talian berbanding secara manual sebelum ini.
- Pengauditan dilakukan terhadap semua PTJ pada masa yang sama dan ini telah dapat menjimatkan masa dan tenaga jika dilaksanakan secara manual.
- Kekekapan pertukaran dan pengisian kakitangan UAD tidak menjejaskan proses pengauditan ini dilaksanakan.
- Proses analisis pengauditan boleh dilaksanakan secara atas talian.

PERKONGSIAN MAKLUMAT

- Semua pihak yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan tadbir urus dapat maklumat mengenai peraturan, garis panduan dan undang-undang yang berkaitan dan mematuhi semasa menjalankan tugas seharian.
- SPIA ini juga telah diperluaskan penggunaannya kepada UAD agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Kewangan.

5. Inovasi (maksimum 350 patah perkataan)

Penggunaan teknologi atau metodologi secara inovatif

Keaslian atau penambahbaikan

Keaslian konsep atau pelaksanaan (reka bentuk / pembangunan dan/atau pemasaran)

Ciri-ciri / fungsi yang ketara

Teknik pembangunan, penyelidikan atau pemasaran yang kreatif

Technology enabling

Menggunakan pelbagai teknologi untuk menghasilkan inovasi dan penyelesaian yang berkesan

PENGGUNAAN TEKNOLOGI ATAU METODOLOGI SECARA INOVATIF

Pengauditan secara atas talian merupakan satu inovasi didalam proses kerja pengauditan yang dijalankan secara manual. Ia membantu mempercepatkan proses kerja serta kos operasi satu kerja pengauditan yang dijalankan. Sekiranya secara manual satu pasukan akan melibatkan seramai 3 orang kakitangan dan mengambil masa satu minggu untuk selesaikan satu lawatan di sesebuah PTJ. Ini semua dapat diijamatkan dengan inovasi pengauditan secara atas talian.

KEASLIAN ATAU PENAMBAHBAIKAN

- SPIA dibangunkan adalah berdasarkan garis panduan pengauditan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.
- Proses pengauditan secara manual telah disistemkan dengan menambah elemen analisis setelah sesuatu kerja pengauditan selesai dijalankan. Penarafan bintang diberikan kepada PTJ yang berjaya mencapai tahap pematuhan yang tinggi dalam pengurusan kewangan.

CIRI-CIRI / FUNGSI YANG KETARA

- Pengauditan dilaksanakan secara atas talian
- Penarafan bintang diberikan kepada PTJ yang berjaya mematuhi semua peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.
- Keselamatan maklumat mengikut peranan pengguna.

6. Kualiti / Pengiktirafan (maksimum 350 patah perkataan)

- # Piawaian kebangsaan atau antarabangsa yang digunakan
- # Metodologi projek
- # Keberkesanan kos
- # Peningkatan produktiviti dan keberkesanan
- # Kepakaran kakitangan
- # Keberkesanan projek
- # Tahap bantuan dan sokongan projek
- # Kejayaan pelaksanaan
- # Pengiktirafan oleh pelanggan / pengguna
- # Diakui oleh pakar bidang yang berkaitan projek
- # Pengiktirafan komuniti atau media
- # Pengiktirafan atau pencapaian dalam industri dan Kerajaan
- # Pencapaian pengiktirafan antarabangsa
- # Hasil yang boleh diukur – mencapai sasaran
- # Perkongsian pasaran
- # Beridentitikan Malaysia

PIAWAIAN KEBANGSAAN ATAU ANTARABANGSA YANG DIGUNAKAN

- Menggunakan garis panduan pengauditan yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara.
- Menggunakan pekeliling, Surat Pekeliling Perbendaharaan serta lain-lain peraturan yang berkaitan dalam Pengurusan Kewangan sebagai asas dalam pembangunan SPIA.

METODOLOGI PROJEK

Menggunakan metodologi pembangunan System Development Life Cycle (SDLC) semasa membangunkan SPIA.

KEBERKESANAN KOS

Secara manual kos satu pengauditan adalah seperti berikut :

- Tenaga Kerja = 3 orang kakitangan
- Tempoh pengauditan = 5 hari
- Kos perjalanan = RM800 * 3 orang (RM 2400)
- Kos hotel = RM 100 * 4 malam * 3 orang (RM1200)
- Kos makan minum = RM 40 * 5 hari * 3 orang (RM 600)
- Jumlah kos operasi satu lawatan pengauditan = RM 4200
- Perancangan auditan = 4 lawatan * RM4200 (RM 16800)

Melalui SPIA semua kos ini dapat dijimatkan kerana ia kos operasi yang terlibat.

PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN KEBERKESANAN

- Semua PTJ berlumba-lumba mematuhi peraturan Pengurusan Kewangan semasa.
- Pengurusan Kewangan bagi setiap PTJ bertambah baik .

KEJAYAAN PELAKSANAAN

- Pengauditan bagi 10 PTJ di JPA telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2011 bagi pengurusan kewangan tahun 2010 dan tahun tahun semasa.
- 6 PTJ telah berjaya mendapat penarafan 4 Bintang dan 4 PTJ telah berjaya mendapat penarafan 3 Bintang.

DIAKUI OLEH PAKAR BIDANG YANG BERKAITAN PROJEK

- Dua UAD agensi luar telah menerima pakai sistem ini setelah diluluskan oleh pihak Pengurusan Atasan agensi berkenaan.

PERKONGSIAN PASARAN

- Kementerian Kewangan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menggunakan sistem ini bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan di agensi berkenaan.

BERIDENTITIKAN MALAYSIA

- SPIA dibangunkan mengikut dasar dan perundangan pengurusan

kewangan Kerajaan Malaysia.

7. Potensi (maksimum 350 patah perkataan)

- # Potensi projek untuk diekspot, menghasilkan peluang pekerjaan atau meningkatkan ekonomi
- # Pelaksanaan yang lebih luas
- # Faedah kepada industri lain pada masa hadapan
- # Strategi pembangunan dan menerajui persaingan
- # Bidang-bidang yang dikenalpasti untuk peluasan / penambahbaikan

POTENSI PROJEK

- Meningkatkan kemahiran dalam pengurusan kewangan bagi semua penjawat awam disamping peningkatan penggunaan ICT dalam tugas seharian.
- Pendedehan kepada penjawat awam berkenaan kemampuan perisian sumber terbuka dalam penghasilan sesebuah sistem.
- Melahirkan pegawai yang professional, efisien, berkemahiran dan bertanggungjawab serta komited terhadap tugas yang diteloh diamanahkan.

PELAKSANAAN YANG LEBIH LUAS

- Perkongsian SPIA dengan pihak Kementerian Kewangan akan membuka peluang lebih besar untuk tujuan peluasan ke seluruh agensi Kerajaan.

FAEDAH KEPADA INDUSTRI LAIN PADA MASA HADAPAN

- Pengjimatian kos operasi bagi sesebuah agensi dalam menjalankan proses pengauditan secara manual.

BIDANG-BIDANG YANG DIKENALPASTI UNTUK PELUASAN / PENAMBAHBAIKAN

- Teknik-teknik pengauditan lain seperti auditan prestasi bagi menilai prestasi bagi sesuatu aktiviti boleh ditambah didalam fungsi SPIA.

8. Kandungan Tempatan (maksimum 350 patah perkataan)

- # Dibangunkan sepenuhnya di Malaysia atau
- # Dibangunkan sebahagian di Malaysia (nyatakan peratusan pembangunan di Malaysia)
- # Sekiranya pembangunan sebahagian di Malaysia, nyatakan modul yang dibangunkan di Malaysia
- # Sumbangan dan/atau penyelidikan yang dijalankan di Malaysia
- # Tambah nilai di Malaysia

DIBANGUNKAN SEPENUHNYA DI MALAYSIA

- SPIA dibangunkan sepenuhnya menggunakan tenaga kerja sedia ada di JPA tanpa melibatkan perkhidmatan vendor.

